Menteri kesal lihat nasib kampung silap pilih parti

KUALA KRAI, Jumaat — Tengku Razaleigh Hamzah kesal melihat penduduk Manik Urai dekat sini ketinggalan dari segi pembangunan dan setengah muda mudinya masih buta huruf kerana silap perhitungan memilih parti pembangkang mewakili kawasan itu.

Manik Urai adalah kawasan Dewan Undangan Negeri diwakili PAS dan kubu kuat parti itu, tapi kebelakangan ini berjaya ditembusi oleh UMNO.

Menteri Kewangan berkata: "Amat malang bagi Manik Urai dan penduduknya kerana ada lagi kampung yang ketinggalan pembangunan, setengah muda mudinya tidak bersekolah dan buta huruf kerana silap perhitungan dan pandangan sempit dalam memilih parti mewakili mereka dalam pilihanraya lalu.

Tengku Razaleigh menegaskan, Kerajaan Barisan Nasional Kelantan yang didokong oleh UMNO tidak akan membiarkan keadaan itu berterusan, arus pembangunan sedang dan akan dibawa masuk ke kawasan itu.

Beliau berucap di upacara meletakkan batu asas Kampung Baru Manik Urai (kawasan perpindahan banjir), 20 km dari sini, hari ini.

Tersekat

Tengku Razaleigh berkata, kerajaan menguntukkan $11 juta melalui KESEDAR bagi memajukan Kampung Baru Manik Urai itu yang akan menempatkan lebih 2,000 penduduk yang sering diancam banjir.

Katanya, kawasan selatan negeri ini adalah kawasan penyelamat dari segi menampung keperluan pembangunan di Kelantan di samping menjadi pusat tumpuan rakyat seluruh negara untuk melabur dan melancong.

Tegasnya, pembangunan di kawasan itu, KESEDAR sebagai jentera penggerak utamanya adalah zaman dan nafas baru kepada rakyat negeri ini untuk mengecap pembangunan seperti rakyat di negeri-negeri lain.

Menurut beliau, berbagai peluang pekerjaan, perniagaan dan melabur sedang dan akan terbuka luas untuk direbut oleh rakyat setempat.

Malangnya peluang-peluang ini dulu tidak diperolehi [illegible] ia tersekat dan [illegible] tentangan dar[illegible] tertentu sehingga merugikan rakyat, ujarnya.

Tengku Razaleigh mengumumkan, perusahaan carigali logam akan dibuka di satu kawasan berhampiran Manik Urai tidak lama lagi dan ini bukan saja akan memberi peluang pekerjaan, kemakmuran dan kemewahan kepada rakyat setempat, malah negeri Kelantan dan negara amnya.

Menurutnya, satu perusahaan menanam pokok-pokok gavalina juga akan dijalankan di Ulu Kelantan tidak lama lagi bagi keperluan sebuah kilang kertas yang akan didirikan di Kuala Krai.

Penubuhan kilang kertas bermodal ratusan juta ringgit itu akan membuka peluang pekerjaan kepada kira-kira 4,000 orang rakyat negeri ini.

Beliau menyeru setiap rakyat memberi sokongan penuh kepada strategi kerajaan untuk membangun kawasan Kelantan Selatan itu.

Dalam konteks ini, katanya, kawasan utara yang telah sesak dengan penduduk tidak apat lagi dimajukan untuk keperluan pembangunan negeri.

Menurut beliau, kawasan Kelantan Selatan akan dimajukan berdasarkan strategi bersepadu dan berharap dapat dibangunkan secepat mungkin serta rakyat pula mesti sanggup mengubah sikap supaya mencapai kejayaan sepenuhnya.

Katanya, hasil Kerajaan Negeri Kelantan di masa akan datang banyak bergantung kepada pembangunan kawasan-kawasan tempatan.



Jangan ikut emosi, kata PM

■ PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu berucap merasmikan kursus penerangan UMNO di Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur semalam.

Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan mengikut emosi dalam menghadapi segala tohmah dan fitnah yang dilemparkan oleh parti-parti lawan. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia